

# Henti provokasi, pulihkan semangat muhibah



Timbalan  
Pendaftar, Universiti  
Putra Malaysia  
(UPM)

Oleh Noor Mohamad Shakil Hameed  
bhrencana@bh.com.my

**Isu 3R** (agama, bangsa dan Raja) semakin membimbangkan walaupun majoriti masyarakat mahu mempertahankan semangat muhibah, malangnya tindakan segelintir individu atau kelompok mula menggugat jambatan perpaduan terbina.

Semangat muhibah dan perpaduan diwariskan negarawan seperti Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Tun Tan Cheng Lock dan Tun VT Sambanthan semakin tercabar dan getir untuk dipertahankan.

Jelas bukan mudah memuaskan hati semua pihak dan mengimbangi pelbagai tuntutan dikemukakan. Malah, jika 'kekalutan' perhubungan kaum berterusan, agak sukar kita mencapai impian membentuk masyarakat MADANI dan menjadi negara maju berpendapatan tinggi.

Hakikatnya, sebahagian besar rakyat tidak pernah melalui penjajahan mahupun peristiwa hitam 13 Mei, manakala gaya hidup mementingkan diri menjadi antara punca utama ketidakharmonian.

Ini boleh dilihat daripada kenyataan menyentuh isu sensitif secara terbuka tanpa mempedulikan kesan dan impak hingga gagal berpaut kepada sejarah serta asas pembinaan negara bangsa.

Ramai gagal memahami dan menghayati apa di-

pelajari selama ini baik dalam teks sejarah mahupun pelbagai medium dan platform mengenai pengorbanan dan jasa pemimpin terdahulu.

Ketiga-tiga negarawan disebut itu antara figura sering kita jadikan contoh dan rujukan serta dijulung sebagai arkitek membina jambatan perpaduan diwariskan kepada kita.

Harus diingat kejayaan mereka menyatupadukan pelbagai etnik di Tanah Melayu ketika itu menjadi prasyarat berjaya mendapat kemerdekaan.

Semangat dan roh bersandarkan kontrak sosial dengan satu matlamat mencapai kemerdekaan membolehkan generasi kini menikmati erti kebebasan sebenar.

Namun, berdasarkan perkembangan mutakhir, kita tercari-cari mana hilangnya semangat dan roh pengorbanan ditinggalkan ketiga-tiga negarawan bersama rakan-rakan mereka.

## Terlalu banyak isu sensitif cetus provokasi

Kita perlu jujur dan ikhlas serta mengakui kenyataan betapa rapuhnya perhubungan kaum sekarang. Semua isu perkauman dikupas dan dikunyah, tetapi ditelan bulat-bulat hingga terlalu banyak isu sensitif muncul mencetuskan provokasi dan perbalahan.

Malah lebih malang belum selesai sesuatu isu, muncul isu lain pula hingga kita tertanya-tanya apa sebenarnya sedang berlaku dalam masyarakat

dan ke mana hilangnya semangat muhibah dan tolak ansur dibanggakan selama ini.

Media sosial sudah lama bertukar menjadi medan peperangan melahirkan hero kononnya ingin mempertahankan hak masing-masing tetapi sebenarnya menegakkan benang basah tanpa menyedari perbuatan provokatif membakar 'rumah perpaduan'.

Pelbagai kandungan memudaratkan, ucapan berbau kebencian dan kata-kata kesat termasuk menghina serta menghasut semakin berleluasa di media sosial.

Kita tidak menafikan masih ada hormat-menghormati dan bersatu-padu tetapi kita khuatir isu demi isu dibangkitkan merebak serta memusnahkan segala-galanya.

Hakikatnya, kita sudah ada Kontrak Sosial, Rukun Negara dan Perlembagaan Persekutuan wajar dijadikan rukun serta panduan hidup masyarakat majmuk, tetapi semakin hari semakin dilupakan semua panduan serta dokumen rujukan ini.

Jadi sebelum semuanya terlambat, marilah mulakan proses 'gencatan senjata' dengan membuang segala ego, dendam, kemarahan, salah faham, perbezaan ideologi dan kepentingan peribadi atau kaum tertentu, sebaliknya digantikan dengan budaya dan amalan terpuji diwariskan iaitu, saling hormat-menghormati, bertolak-ansur, mengutamakan perpaduan dan kepentingan negara.